

28 FEB 1996

Pindaan - Perlembagaan

PEGUAM BESAR NEGERI SABAH DIMINTA KEMUKA LAPORAN

KOTA KINABALU, 28 Feb (Bernama) -- Kabinet negeri Sabah hari ini mengarahkan Peguam Besar Negeri Datuk Stephen Foo mengemukakan laporan awal mengenai cadangan meminda Perlembagaan Negeri.

Ketua Menteri Datuk Salleh Said berkata tiada jangka masa ditetapkan bagi beliau menyiapkan laporan kerana beliau perlu mengkaji pindaan itu secara terperinci dengan Jabatan Peguam Negara Persekutuan.

"Peguam Negara memerlukan masa untuk mengkaji semua aspek cadangan pindaan itu," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet Negeri di sini.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya perlembagaan dan undang-undang negeri dipinda bagi mengurangkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri Sabah yang dianggap lebih berkuasa daripada Menteri Besar dan Ketua Menteri yang lain.

Dr Mahathir berkata beliau akan membuat keputusan muktamad mengenai isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah apabila pindaan itu dibuat.

Tempoh penggal Salleh sebagai Ketua Menteri yang dijadualkan berakhir pada 17 Mac telah dilanjutkan sementara menunggu Perdana Menteri membuat keputusan mengenai perkara itu.

Salleh berkata kerajaan negeri akan mengkaji kuota balak yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara sebelum mengambil langkah untuk mengurangkan pengeluaran balak.

Kuota yang ditetapkan oleh Majlis ialah tiga juta meter padu setahun bagi Sabah tetapi menurut sumber industri, langkah ini akan menjejaskan sektor pemprosesan kayu balak.

"Kerajaan perlu mengkaji baik dan buruk cadangan itu sebelum mengambil tindakan," katanya.

Katanya, hasil pendapatan kerajaan negeri akan berkurangan jika cadangan itu dilaksanakan.

Minggu lepas, Presiden Majlis Industri PerKayuan Sabah Datuk Andrew Tham berkata pendapatan kerajaan negeri akan berkurangan sebanyak lebih RM300 juta daripada RM697 juta yang dijangka dapat dikutip dari sektor perhutanan tahun ini. -- BERNAMA